

"Sahabat nafsi itu sahabat yang paling susah berpisah di saat kita berpisah, yang paling susah berpisah di saat kita diuji Allah, justru, berpisahlah sahabat. Berpisahlah berpisah itu, kita lah syukur" *Hadis*



aktiviti pengisian. Aspek kewangan sebahagiannya sumbangan peribadi yang diminta tidak memaklumkan kepada sesiapa kecuali yang mengurus dana saja dan undangan kepada guru serta staf sekolah yang berjasa pada tahun berkenaan.

Hampir tiga bulan perancangan dilakukan Semakan mendekati tarikh berkenaan, masing-masing sudah menghitungkan hari. Dalam kumpulan WhatsApp itu saya meraikan keterujaan itu dengan mengatakan bahawa kegembiraan rakan-rakan untuk bertemu semula selepas sekian lama terpisah adalah manifestasi keikhlasan dalam bersahabat.

Tarikh yang dinanti pun tiba. Norida yang tinggal di Pulau Pinang pulang ke Pengerang dua hari lebih awal, selain ada yang datang dari Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Lembah Klang. Guru iaitu Sahari, Rahmat, Hashim, Dali, Lim dari Subang Jaya, Hock Soon dan Rokiah turut hadir untuk bertemu bekas pelajar mereka. Begitu juga bekas staf pentadbiran sekolah turut bersama. Ternyata 40 tahun bukan masa yang singkat. Selain kegembiraan yang sukar dilakar, ramai sudah terlupa rupa dan nama. Banyak perubahan yang nyata. Harus diimbau

Nilai persahabatan menjelang usia emas

sungguh-sungguh peristiwa lalu, sambil memaparkan gambar lama, barulah ingatan kembali bertandang dalam fikiran. Mengenangkan ramai juga rakan dan guru tidak dapat bersama kerana uzur atau tidak dapat dihubungi selain yang meninggal dunia, penganjur mengaturkan supaya majlis tahlil dan doa diadakan terlebih dulu sebelum acara pada sebelah malamnya.

Pertemuan itu pada saya sangat bermakna. Selepas 40 tahun terpisah, kami masih memiliki memori kolektif yang dikongsi bersama. Namun, tiada lagi jejak yang banyak untuk ditelusuri. Ini kerana sebahagian besar jejak itu sudah lenyap dari pandangan ditelan pembangunan mega di Pengerang sebagai pusat penapisan minyak dan gas selain tempat pertumbuhan industri petrokimia bertaraf antarabangsa. Pembangunan itu menyaksikan pengorbanan penduduk Pengerang. Hampir 10

kampung tradisi Pengerang diambil untuk menjadi tapak pembangunan yang menjadikan keseluruhan ruang ditebus guna kira-kira 25,000 ekar persegi. Ini tidak termasuk penambahan pesisir laut yang agak luas juga.

Dalam ucapan alu-aluan, saya menyentuh soal pembangunan itu selain mengucapkan terima kasih khususnya kepada guru yang banyak berjasa mencelikkan penduduk Pengerang dengan ilmu pengetahuan. Sebagai warganegara dan anak jati Pengerang, saya menegaskan penduduk setempat tidak membantah apapun inisiatif untuk memperkasa negara. Namun, yang diperlukan orang Pengerang hanyalah 'rasa' bahawa mereka dibela, tidak dipaksa dan tidak merasakan tertindas. Permintaan mereka sangat sederhana. Mereka hanya menginginkan kehidupan lebih baik, bukan saja dari sudut zahir malah rasa aman, sejahtera dan berasa

Pengerang masih milik mereka. Saya sebutkan itu kerana pada masa ini, mereka berasa seolah-olah sedang berada di tanah asing kerana di hadapan, belakang, kanan dan kiri mereka adalah orang asing yang bertulaya berbeza dan menyempitkan kehidupan rakyat tempatan untuk akses kepada pelbagai peluang pekerjaan dan kemudahan awam.

Bahkan keadaan persekitaran yang berhabuk, sistem prasarana umum tidak teratur serta aspek keselamatan sosial, fizikal dan jalan raya menjadikan keadaan hidup yang merimas dan menjengkelkan. Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang baru-baru ini baik untuk mentadbir urusan Pengerang tetapi janganlah sampai penduduk jati Pengerang sendiri berasa semakin terhimpit dengan peraturan yang mengeirukan. Mereka mulai pandai menyoal fentah siapa yang mendengar resah mereka), apakah ertinya

persahabatan itu? Kita semua perlu berunding hari-hari mengenai di mana kita ini.

Saya turut mengagumi persahabatan yang kekal semula selepas 40 tahun memiliki nilai yang kekal apatah lagi meminati di era ini. Pada usia seperti ini tidak begitu mudah untuk dengan uban yang melilit kepala atau mata yang sudah sama sekali atau gigi yang sudah goyang dan berguguran atau kulit yang berkerut dan kuman yang diarahkan ke sana-sini ikhlas. Yang meminati senyawa masa lalu yang menghalalkan lebih dan kurang kerana sesuatu remaja.

Ini semua menginspirasi saya kepada dibulan Ramadan timuwan Islam Nusantara mengenai makna persahabatan. Tahlil belau ialah sahabat yang adalah yang saling memerti teguran di saat kita bersalah yang saling membela di saat kita diuji Allah. Katanya "Sahabat